

Dr M tidak puas hati pertumbuhan sektor swasta

04 11 JUL 2001

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa tidak puas hati dengan tahap pertumbuhan sektor swasta walaupun pelaburan mereka sudah bertambah dalam usaha menjanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berkata, kadar pertumbuhan sektor terbabit masih lagi di bawah paras tahap sebelum

krisis kewangan 1997/98.

"Justeru, sektor swasta perlu bergiat dengan lebih cergas supaya mereka dapat mencapai potensi pertumbuhan sebenar. Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai usaha dan program untuk menjanakan pertumbuhan.

"Meskipun pengembangan ekonomi dalam negara lebih didorong rangsangan fiskal, semua pihak terutama sekali

sektor swasta perlu tampil memainkan peranan masing-masing bagi mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi," katanya di majlis Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, semalam.

Katanya, sektor swasta juga perlu mempertingkatkan daya saing dan daya tahan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran luar yang mencabar berikutan arus per-

kembangan globalisasi, liberalisasi dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Untuk membolehkan negara bersaing dengan berkesan di arena antarabangsa, usaha lebih konkrit dan terancang perlu dilaksanakan. Kerajaan merancang membawa pembangunan negara ke arah pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam hubungan ini, saya ingin juga

menyarankan sektor swasta untuk turut serta dalam mempertingkatkan daya saing negara dengan beroperasi secara lebih cekap," katanya.

Katanya, mereka perlu memberi lebih tumpuan kepada kegiatan meningkatkan produktiviti melalui latihan, kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggunakan teknologi secara intensif terutama teknologi

tinggi yang boleh meningkatkan nilai tambah.

Dr Mahathir berkata, kedudukan R&D masih berada pada tahap yang rendah iaitu hanya 0.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 1998. Tahap daya saing negara juga tidak banyak berubah di sekitar tangga ke-27 hingga ke-29 bagi tempoh 1999 hingga April 2001.